

23 MAR 2000

Mahkamah-Anwar

KETERANGAN DR MAHATHIR RELEVAN UNTUK MENGUJI KEBOLEHPERCAYAAN AZIZAN

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini diberitahu bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah saksi penting pada perbicaraan kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana keterangannya relevan untuk menentukan kebolehpercayaan Azizan Abu Bakar yang mendakwa dia diliwat oleh Anwar.

Peguam Gobind Singh Deo yang bertindak bagi Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang dituduh bersama Anwar berkata dalam kes-kes kesalahan seksual, kebolehpercayaan pengadu amatlah penting.

Oleh kerana Azizan telah menafikan kepada Perdana Menteri melalui surat mengenai pembabitannya dalam kegiatan seksual bersama Anwar, Dr Mahathir harus dipanggil untuk membuktikan perkara sebenar, kata beliau.

Gobind berhujah mengenai isu kerelevanan keterangan Dr Mahathir pada perbicaraan selepas Sukma dan Anwar mengemukakan afidavit menyokong permohonan untuk memanggil Dr Mahathir memberi keterangan sebagai saksi pihak pembelaan.

Pada 18 Feb lalu, Hakim Datuk Arifin Jaka yang mendengar kes itu memerintahkan pihak pembelaan mengemukakan alasan kerelevanan sebelum memanggil Dr Mahathir ke kandang saksi atas sifat peribadi beliau.

Gobind berkata laporan media juga memetik perdana menteri sebagai berkata penulis surat yang mengandungi dakwaan mengenai salahlaku seksual Anwar telah menafikan dakwaan-dakwaan itu.

Beliau berkata oleh kerana Dr Mahathir tidak menyebut identiti penulis surat berkenaan, maka perdana menteri ialah saksi paling penting untuk mengenal pasti bahawa penulis itu ialah Azizan.

Gobind berkata keterangan Dr Mahathir dalam perkara ini penting bagi menyokong pembelaan Sukma bahawa tuduhan terhadap beliau dan abang angkatnya, Anwar adalah palsu dan direka-reka.

Anwar, 52, dan Sukma, 39, dituduh berasingan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di pangsapuri Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini pukul 7.45 malam, antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma, ahli perniagaan, juga menghadapi tuduhan bersubahat dengan Anwar in untuk meliwat Azizan, bekas pemandu kepada isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, di tempat dan masa yang sama.

Pihak pendakwaan membantah langkah pihak pembelaan untuk memanggil perdana menteri sebagai saksi dan memohon supaya mahkamah untuk memakai Seksyen 136 Akta Keterangan sebelum memutuskan sama ada untuk memanggil Perdana Menteri.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail berkata tiada bukti menunjukkan bahawa perdana menteri tahu atau mengenali Sukma dan Sukma sendiri dalam keterangannya tidak pernah membangkitkan isu pertemuan Azizan dengan Dr Mahathir.

"Azizan juga tidak diperiksa balas dalam perkara ini. Mengapa tiba-tiba Sukma mendakwa dalam afidavitnya bahawa Azizan menemui Dr Mahathir?" kata beliau.

Abdul Gani berkata isu Azizan pergi menemui perdana menteri dikemukakan oleh pegawai penyiasat, SAC 1 Musa Hassan yang mengaku beliau mengetahuinya melalui laporan akhbar.

"Pihak pembelaan sepatutnya memeriksa balas Azizan mengenai perkara ini tetapi ia tidak berbuat demikian sambil berkata mahkamah harus menganggap permohonan oleh Sukma sebagai tidak relevan.

Abdul Gani akan berhujah mengenai afidavit Anwar esok.

Pihak pembelaan membantah hujah itu atas alasan bahawa beliau tidak mempunyai "locus standi" kerana perdana menteri disapina atas sifat peribadinya dan kehadiran pihak pendakwaan di mahkamah buat masa ini cuma sebagai "amicus curae" atau sahabat mahkamah.

Bagaimanapun, Arifin menolak bantahan itu dan bersetuju dengan Abdul Gani bahawa isu yang dibangkitkan di mahkamah sekarang bukan isu berasingan dalam perbicaraan.

Terdahulu, Karpal Singh yang mewakili Anwar berkata perdana menteri harus dipanggil untuk memberi keterangan berhubung dengan perkara-perkara yang terkandung dalam afidavit yang dikemukakan oleh bekas timbalannya.

Karpal berkata, Anwar yakin bahawa Dr Mahathir mempunyai banyak maklumat dan keterangannya dapat membuktikan Anwar tidak bersalah dan dakwaan-dakwaan terhadapnya (Anwar) adalah tidak berasas seperti dilaporkan dalam akhbar tempatan pada 1997.

Sementara itu, peguam Francis Ng yang bertindak sebagai peguam pemerhati bagi Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin dan Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Aziz Samsuddin memberitahu mahkamah bahawa sapina telah dikeluarkan dan diserahkan kepada pihak-pihak untuk menjadi saksi pembelaan.

Beliau memberitahu mahkamah bahawa Daim dan Aziz telah mengemukakan permohonan untuk mengenyepikan sapina itu dan Arifin kemudian menetapkan Selasa untuk mendengar permohonan itu.

Perbicaraan disambung esok.

-- BERNAMA
NHD/SBB FAZ